

LAPORAN TAHUNAN 2018
JABATAN KESIHATAN NEGERI PULAU PINANG

PERUTUSAN PENGARAH KESIHATAN NEGERI PULAU PINANG

Assalamualaikum/Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izinya, Buku Laporan Tahunan bagi tahun 2018 dapat diterbitkan. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Sidang Pengarang Laporan Tahunan 2018 yang telah bertungkus lumus dalam usaha untuk menerbitkan laporan ini. Laporan tahunan adalah satu-satunya penerbitan yang amat penting kepada jabatan dan merupakan dokumen yang memaparkan bahawa kita telah berjaya melalui tahun 2018 dengan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada setiap warga kerja Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang demi mencapai visi dan misi jabatan bagi memastikan rakyat negeri Pulau Pinang terus mendapat perkhidmatan kesihatan yang berkualiti selaras dengan hasrat Kementerian Kesihatan Malaysia.

Sepanjang tahun 2018, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang telah menjalankan semua aktiviti yang telah dirancang dan prestasi yang dicapai adalah selaras dengan sasaran Kementerian Kesihatan Malaysia. Tahniah dan syabas kepada semua warga kerja Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang di atas kegigihan yang ditunjukkan dalam melaksanakan program dan aktiviti sepanjang tahun 2018. Selaras dengan transformasi ke arah pencapaian kecemerlangan perkhidmatan, pelbagai usaha dan inovasi telah dilakukan. Budaya kerja "Kami Sedia Membantu" tanpa mengira situasi perlu sentiasa dipraktikkan oleh semua warga Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang.

Adalah menjadi harapan saya agar semua warga Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang akan terus berusaha ke arah penambahbaikan yang berterusan bagi memantapkan lagi perkhidmatan kesihatan kepada masyarakat di negeri Pulau Pinang. Segala data statistik yang dimuatkan dalam laporan ini harus dijadikan rujukan serta sumber penting bagi membuat perancangan berdasarkan fakta (*evidence based planning*) agar perkhidmatan yang disediakan akan terus dipertingkatkan lagi dari semasa ke semasa.

Akhir kata, sekali lagi saya ingin merakamkan penghargaan dan jutaan terima kasih kepada semua warga jabatan JKN yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penyediaan laporan tahunan ini. Semangat kerja berpasukan serta komited hendaklah dikekalkan sepanjang masa. Semoga segala usaha kita dalam memberi perkhidmatan kesihatan kepada rakyat akan diberkati bagi membolehkan kita memperolehi kejayaan yang lebih cemerlang pada tahun 2019.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"1MALAYSIA, RAKYAT DIDAHULUKAN PENCAPAIAN DIUTAMAKAN"

DATO' DR. WAN MANSOR BIN HAMZAH
PENGARAH KESIHATAN NEGERI PULAU PINANG

**SIDANG PENGARANG
LAPORAN TAHUNAN 2018**

PENGERUSI

Dato' Dr. Wan Mansor Hamzah
Pengarah Kesihatan Negeri Pulau Pinang

PENYELARAS PENGARANG

Dr. Elizabeth Anthony
Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan)

Dr. Rokiah Mohd
Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam)

Dr. Maznah Mohd Nor
Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian)

Puan Zubaidah Che Embee
Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi)

En. Velan Supramaniam
Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pengurusan)

Puan Hajah Ku Napishah Ku Ariffin
Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Keselamatan & Kualiti Makanan)

URUSETIA

Unit Rekod Perubatan
Bahagian Perubatan
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang

VISI
JABATAN KESIHATAN NEGERI PULAU PINANG

Pulau Pinang akan wujud sebagai sebuah negeri terdiri daripada individu, keluarga dan masyarakat yang sihat melalui sistem kesihatan yang adil dan saksama, cekap, mampu disedia dan diperolehi, berteknologi sesuai, serasi pelanggan dan bersesuaian dengan persekitaran.

Sistem ini juga akan mengutamakan kualiti, inovasi, promosi kesihatan, hormat kepada kemuliaan insan serta menggalakkan tanggungjawab individu dan penyertaan masyarakat kearah peningkatan mutu kehidupan.

MISI
JABATAN KESIHATAN NEGERI PULAU PINANG

Mewujudkan penglibatan dan penyertaan masyarakat negeri Pulau Pinang untuk kesihatan bagi merangsang dan memudahkan rakyat untuk:

- Mencapai sepenuhnya kemampuan kesihatan mereka
- Menghargai kesihatan sebagai aset yang bernilai
- Mengambil langkah positif meningkatkan lagi dan mengekalkan status kesihatan bagi menikmati kehidupan yang lebih bermutu

OBJEKTIF
JABATAN KESIHATAN NEGERI PULAU PINANG

Membantu seseorang individu mencapai dan mengekalkan suatu taraf kesihatan bagi membolehkannya menjalani kehidupan ekonomi dan sosial yang produktif dengan menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan yang komprehensif, meliputi aspek penggalakan, pencegahan dan rawatan yang cekap serta pemulihan.

Carta Organisasi
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang

